



18 SEP, 2024

Kastam Sabah rampas minuman keras, rokok lebih RM1 juta

Harian Ekspres (KK), Malaysia



Page 1 of 2

Kastam Sabah rampas minuman keras, rokok lebih RM1 juta

Agust Dean

KOTA KINABALU: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sabah merampas 555.6 liter minuman keras, 146,650 batang rokok pelbagai jenis serta 1,600 gram tembakau, kesemuanya bernilai RM1.04 juta termasuk cukai dalam empat serbuan baru-baru ini.

Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Sabah, Siti Mang berkata, tujuh individu berusia antara 19 hingga 53 tahun turut ditahan dalam serbuan yang dilakukan antara 29 Ogos hingga 11 September di beberapa daerah.

Dalam serbuan di premis kafe di Penampang dan Tamparuli pada 5 September lalu, lima warga tempatan ditahan dan sejumlah 318 liter bir pelbagai jenama dengan anggaran harga RM1,210.42 dan cukai berjumlah RM4,847.85 dirampas.

“Di Tawau, seorang warga tempatan ditahan di premis kafe di Pekan Merotai Besar pada 29 Ogos, dan 36,760 batang rokok dan tembakau seberat 1,600 gram dengan anggaran nilai RM7,016 dan cukai berjumlah RM25,024.80 dirampas,” katanya semasa sidang media di Wisma Kastam, Selasa.

Pada 7 September, rokok pelbagai jenama dirampas dari sebuah rumah tidak bernombor di Sandakan. Ini termasuk 65,000 batang rokok dan 237.60 liter minuman keras pelbagai jenama dengan anggaran harga RM65,900.50 dan cukai RM505,084.25.

Siti berkata, seorang warga tempatan berusia 28 tahun turut ditahan di premis kafe di Semporna pada 11 September, dan pasukan serbuan merampas 44,800 batang rokok dengan anggaran harga RM108,960 dan cukai RM326,880.



SITI Mang (tengah) menunjukkan barang yang dirampas pada sidang akhbar di Wisma Kastam, di sini pada Selasa.

Dalam pada itu, bagi tempoh Januari sehingga Ogos, Bahagian Penguatkuasaan JKDM Sabah turut merampas pelbagai jenis dadah termasuk ganja, ekstasi, ketamin, cendawan halusinogen yang membabitkan 163 kes dengan anggaran nilai rampasan berjumlah RM440,027.26.

Pada tempoh sama, Cawangan Narkotik Bahagian Penguatkuasaan, JKDM Sabah juga merampas tiga tan ketum dalam bentuk daun dan serbuk.

“Jumlah keseluruhan kes ketum telah ditangani ialah sebanyak 78 dengan anggaran nilai rampasan RM137,524,” katanya.

Menurut Siti, modus operandi bagi kes-kes tersebut melibatkan penjualan barang-barang tidak bercukai secara

tersembunyi.

“Barang-barang tersebut disimpan di lokasi tersembunyi di dalam premis perniagaan untuk mengelirukan pihak berkuasa dan mengelakkan dari dikesan. Bagi kes-kes yang melibatkan ketum, penyeludup menggunakan perkhidmatan kurier dan pengangkutan awam,” katanya.

Kata beliau, kes rampasan rokok akan disiasat di bawah 135(1)(d) Akta Kastam 1967 kerana menyimpan atau memiliki barang tidak berkastam atau barang larangan import.

Untuk kes dadah pula disiasat di bawah Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952, manakala bagi kes rampasan ketum, ia disiasat di bawah Seksyen 30(3) Akta Racun 1952.



18 SEP, 2024

Kastam Sabah rampas minuman keras, rokok lebih RM1 juta

Harian Ekspres (KK), Malaysia



SUMMARIES

Agust dean KOTA KINABALU: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sabah merampas 555.6 liter minuman keras, 146,650 batang rokok pelbagai jenis serta 1,600 gram tembakau, kesemuanya bernilai RM1.04 juta termasuk cukai dalam empat serbuan baru-baru ini. Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Sabah, Siti Mang berkata, tujuh individu berusia antara 19 hingga 53 tahun turut ditahan dalam serbuan yang dilakukan antara 29 Ogos hingga 11 September di beberapa daerah.